KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10.09.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

lokal

LELAKI DIBAHAM BUAYA

Jumpa kepala mangsa

Bernama

Sandakan

Sepasukan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Sandakan semalam menemukan kepala seorang mangsa lelaki yang hilang dipercayai diserang serta dibaham buaya ketika cuba menyeberang Sungai Seguntor, dekat Taman Kenari di sini, Jumaat lalu.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam kenyataan berkata, kepala mangsa ditemukan pasukan mencari dan menyelamat pada jam 7.30 pagi semalam dalam keadaan tidak sempurna kira-kira 300 meter dari lokasi kejadian.

Kes terbabit diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Abdul Fuad Abdul Malek berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kehilangan seorang lelaki dewasa hanya dikenali sebagai Abdul, disyaki dibaham buaya pada kira-kira jam 6 petang Jumaat di sungai kawasan setinggan itu.

"Mangsa dikatakan menaiki rakit yang diperbuat daripada buluh cuba menyeberangi sungai untuk ke rumahnya yang terletak 100 meter dari tebing sungai.

"Ketika sedang menyeberangi sungai, mangsa disyaki disambar seekor buaya dan sempat menjerit meminta tolong namun hilang daripada pandangan saksi," katanya.

"Ketika sedang menyeberangi sungai, mangsa disyaki disambar seekor buaya dan sempat menjerit meminta tolong namun hilang daripada pandangan saksi"

Abdul Fuad Abdul Malek